

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 6/1992.

PENGURUSAN PESAKIT DAN WARIS MEREKA SEMASA BERADA DI HOSPITAL.

1. Tujuan.

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk:

- 1.1. Menarik perhatian semua kakitangan terhadap isu-isu dan permasalahan dalam pengurusan pesakit-pesakit.
- 1.2. Memperkemaskan cara-cara pengendalian pesakit-pesakit serta memperbaiki komunikasi di antara kakitangan, dengan waris pesakit di hospital.

2. Latarbelakang.

Sejak kebelakangan ini banyak aduan-aduan diterima oleh Keintenterian mengenai pengurusan pesakit dan waris mereka semasa di hospital iaitu:

- 2.1. Pesakit atau waris tidak boleh mengenali atau mengenalpasti doktor-doktor yang merawat mereka terutama di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan di sesebuah hospital.
- 2.2. Sistem komunikasi yang lemah dan kekurangan maklumat/keterangan untuk disampaikan kepada pesakit-pesakit dan waris mereka.
- 2.3. Kemudahan penyediaan perkhidmatan yang tidak selaras diantara suatu jabatan/hospital seperti; prosedur, permintaan penggunaan ambulans.
- 2.4. Kurang prihatin kakitangan terhadap surat-surat pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian dari masa kesemasa.

3. Pelaksanaan.

Untuk mengatasi masalah-masalah yang dinyatakan di atas, pihak tuan adalah diminta:

- 3.1. Mempastikari semua kakitangan terutama pegawai-pegawai perubatan mematuhi arahan Etika Kod Pakaian (Dress Code) (Bil. 4/1989 bertarikh 26.10.1989, salinan surat disertakan) memakai tanda nama dan memperkenalkan diri kepada pesakit atau waris mereka semasa memberikan perkhidmatan rawatan.
- 3.2. Adalah mustahak kakitangan yang terlibat menjelaskan kepada pesakit atau waris sebelum atau selepas melakukan sesuatu pemeriksaan/prosedur atau pembedahan dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengelakkan sebarang tekanan mental kepada mereka. Ini termasuklah perkembangan atau kemajuan pesakit semasa prosedur atau pembedahan dijalankan.
- 3.3. Sekiranya pesakit memerlukan bantuan seperti untuk menggunakan kenderaan, kakitangan yang terlibat hendaklah bersedia memberikan keterangan yang diperlukan dan dalam masa yang sama mereka hendaklah membantu menyelaraskan keperluan tersebut. Perlu dinyatakan pihak hospital hanya dikehendaki menyediakan pengangkutan berpanduan kepada prosedur yang terdapat di hospital.
- 3.4. Sebagaimana maklum terdapat banyak surat-surat pekeliling dan prosedur yang dikeluarkan oleh Kementerian tetapi tidak diedarkan. Di antaranya prosedur mengenai pesakit yang ingin keluar dari hospital dengan kermahuan sendiri (Bil.(16) dlm.KKM.82/2/6 bertarikh 11.4.1988 salinan surat disertakan. Suka diingatkan bila pesakit berada di bawah jagaan sesebuah hospital samada dirawat sebagai pesakit luar atau pesakit dalam, sekiranya pesakit ingin discaj bertentangan dengan nasihat yang diberikan oleh pegawai perubatan, pesakit tersebut adalah dikehendaki mengisi dan menurunkan tandatangan di atas borang keluar dari hospital atas kermahuan sendiri (Borang A). Pengisian borang ini boleh dilakukan di Jabatan Pesakit Luar/Jabatan Kemalangan dan Kecemasan atau di wad.
4. Sila edarkan pekeliling ini kepada semua hospital dan klinik. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan yang menjaga hendaklah memastikan bahawa prosedur ini diedarkan kepada semua Ketua Jabatan/Unit dan mereka bertanggungjawab ke atas pelaksanaan garis panduan ini.

5. Sebarang pertanyaan mengenai surat pekeliling ini hendaklah dimajukan kepada:

Pengarah Perkhidmatan Perubatan

Bahagian Perkhidmatan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Jalan Cenderasari

50590 Kuala Lumpur.

u/p: Dr. Shahidah Abdul Manaf

Sekian, terima kasih!

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(DATO' (DR) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.